



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil. 8 / 2025**

### **PENGELUARAN KERTAS UNDI POS BAGI PILIHAN RAYA KECIL (PRK) DEWAN NEGERI N.48 AYER KUNING, PERAK**

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah mengeluarkan sebanyak **116 kertas undi pos** kepada yang berhak untuk mengundi secara pos bagi PRK Dewan Negeri N.48 Ayer Kuning, Perak pada **14 April 2025 (Isnin)**. Pengeluaran kertas undi pos dilakukan oleh Petugas Pilihan Raya yang dilantik Pegawai Pengurus dengan kehadiran ejen undi pos daripada calon-calon yang bertanding.
2. Kertas undi pos yang telah dikeluarkan adalah terdiri daripada **113** undi pos bagi **Kategori 1A (Petugas Pilihan Raya dan Anggota Polis)** dan **tiga (3)** undi pos bagi **Kategori 1B (warganegara Malaysia yang menetap di luar negara)**.
3. SPR mengingatkan kepada semua pengundi pos supaya mengisi dengan lengkap dan betul borang Perisytiharan Identiti (Borang 2), sebelum membuat penandaan pada kertas undi serta segera mengembalikannya kepada Pegawai Pengurus berkenaan **sebelum pukul 5:00 petang pada Hari Mengundi iaitu pada 26 April 2025 (Sabtu)**.

4. Pengundi juga diingatkan agar sentiasa **menjaga kerahsiaan undi** masing-masing dengan tidak merakam gambar kertas undi pos dan menularkannya di laman media sosial.

Sekian, terima kasih.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

14 April 2025 / 15 Syawal 1446H